

17 MAR 1997

PC DAN PENJANA KUASA ANTARA BARANGAN YANG AKAN DIKELUARKAN DI MEC

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Malaysia Electric Corporation (MEC) Bhd telah mengenal pasti komputer peribadi ACER dan penjana kuasa daripada syarikat-syarikat lain sebagai sebahagian daripada barangan yang mungkin dikeluarkan di samping perkakas elektrik di bandar MEC berharga RM4 bilion di Gambang dekat sini.

Pengarah hal ehwal korporat MEC, Voon Siew Peng, berkata pada persidangan media di sini malam tadi bahawa syarikatnya masih dalam peringkat awal perundingannya dengan beberapa pihak untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti usaha sama untuk kedua-dua barangan itu.

Komputer dan penjana itu akan dipasarkan di pasaran tempatan dan juga antarabangsa tetapi tidak akan dijual di bawah jenama MEC, kerana MEC menyediakan khusus bagi perkakas elektrik syarikat itu sendiri, katanya.

Bagi komputer, MEC mungkin menubuhkan syarikat usaha sama dengan ACER dari Taiwan untuk memudahkan pemindahan teknologi dan keluaran, kata Voon.

Mengenai pemindahan teknologi, presiden MEC, Datuk Seri Teong Teck Leng berkata dengan komitmen yang kuat untuk mempertingkatkan pembangunan sumber manusia negara ini, sebuah pusat latihan di atas tapak enam hektar dijangka disiapkan tahun ini.

"Kami mahu membangunkan bakat tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan bagi melicinkan pemindahan teknologi," katanya.

Pada masa ini, syarikat telah memperolehi teknologi melalui pemilikan kilang-kilang pembuatan syarikat-syarikat yang telah kukuh seperti Kambrook dari Australia dan Grundig dari Jerman di Pulau Pinang.

Selain daripada membangunkan kekuatan kemudahan-kemudahan R&D yang sedia ada daripada kedua-dua pemilikan itu, MEC juga telah membeli secara langsung teknologi dari Jepun, Taiwan, Korea, Eropah dan Hong Kong dalam masa 12 bulan lalu, tambah Teong.

Mengenai pembiayaan projek Bandar MEC, katanya ia akan dilaksanakan melalui satu gabungan pinjaman bank, jualan barangan dan dana-dana daripada pengapungan MEC Bhd di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Syarikat itu telah menetapkan satu angka jualan konservatif sebanyak RM1 bilion tahun ini memandangkan sambutan yang baik di pasaran-pasaran tempatan dan juga antarabangsa, terutamanya di negara-negara sedang membangun dan timur tengah.

Bagaimanapun, "kami tidak dapat memberikan pecahan yang tepat pembiayaan memandangkan perkara itu masih diusahakan oleh bank saudagar syarikat kami dan juga tertakluk kepada kelulusan kerajaan, katanya.

Ini memandangkan bahawa kerajaan, melalui cawangan pelaburannya, Khazanah Nasional Bhd, memegang 30 peratus kepentingan di dalam MEC Bhd, yang merupakan ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Enam puluh peratus kepentingan di dalam MEC Bhd dipegang oleh syarikat senarai awam Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd.

Mengenai pasaran-pasaran sedang muncul seperti timur tengah ke mana MEC akan mula mengeksport bulan depan, Voon berkata ia agak mudah kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam dan kerajaan sendiri telah melakukan tugas perhubungan awam yang baik.

Dengan MEC Bhd mempunyai sasaran 10-20 peratus pembahagian pasaran daripada sejumlah RM5 bilion jualan perkakas elektrik bagi 1997, MEC berharap ia akan membawa balik sebahagian daripada pembahagian pemain-pemain yang sedia ada terutamanya jenama tempatan, katanya.

Ini adalah kerana syarikat mengeluarkan barangan pertengahan sehingga

tinggi pada harga yang lebih rendah sedikit daripada pesaing-pesaing asingnya yang keluaran-keluaran lebih baik dengan harga yang lebih tinggi sedikit daripada pengeluar-pengeluar tempatan.

Kepada satu pertanyaan, Voon berkata MEC sedang memajukan satu program pembangunan vendor dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan.

Beliau menambah kata syarikat akan meminta vendor-vendor dan pembekal-pembekalnya sekarang mendirikan kilang-kilang di Bandar MEC untuk menyokong lebih 20 kilang utama MEC di dalam projek itu.

Pada masa ini, MEC Bhd mengeluarkan lebih 200 perkakas elektrik yang menggunakan sehingga setinggi 100 peratus kandungan tempatan. -- BERNAMA
AD OS/sia